

KENYATAAN MEDIA

18 SEPTEMBER 2019

Suruhanjaya Tenaga
(Energy Commission)

No. 12, Jalan Tun Hussein,
Precinct 2,
62100 Putrajaya,
Malaysia.

T : +603 8870 8500 F : +603 8888 8637
Toll Free : 1-800-2222-78(ST)

Suruhanjaya Tenaga Baiki Pendawaian Elektrik di Kompleks Latihan dan Pemulihan Orang Kurang Upaya Kimanis

Kimanis, 18 September – Sebagai salah satu usaha meningkatkan kesedaran mengenai keselamatan elektrik, Suruhanjaya Tenaga (ST) telah melaksanakan program pembaikan ke atas sistem pendawaian elektrik di Kompleks Latihan dan Pemulihan Orang Kurang Upaya, Kimanis, Sabah di sini hari ini.

Inisiatif itu merupakan sebahagian daripada program tanggungjawab sosial korporat (CSR) ST, sebagai badan kawal selia sektor tenaga, melalui program yang dinamakan sebagai *Touchpoint*.

Selain dari menukar beberapa sistem pendawaian elektrik yang lama kepada baru, kerja-kerja lain yang telah dijalankan termasuklah penggantian lampu, kipas, suis dan soket yang rosak, serta penukaran Peranti Arus Baki (PAB). Kerja-kerja pembaikan dan pemasangan telah dimulakan pada 17 Ogos 2019 oleh tiga buah institusi yang ditauliah ST di Sabah iaitu Institut Kemahiran Belia Negara Kinarut, Institut Kemahiran MARA Kota Kinabalu dan Institut Latihan Perindustrian Kota Kinabalu.

Pengarah Kawasan ST Pantai Barat Negeri Sabah, Jeffrey Nuri berkata, program sebegini adalah penting untuk memastikan sistem pendawaian di premis tersebut selamat dan dipasang mengikut standard pendawaian yang ditetapkan oleh ST.

Program *Touchpoint* ini merupakan aktiviti berterusan sepanjang tahun yang dijalankan oleh ST bagi membantu institusi-institusi yang tidak berasaskan keuntungan (*non-profit institutions*) serta golongan yang tidak berkemampuan untuk memastikan sistem pendawaian elektrik di premis atau bangunan yang mereka duduki selamat digunakan.

MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, khususnya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Sabah. Suruhanjaya Tenaga memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.

Pada tahun ini, beberapa program *Touchpoint* telah dilaksanakan Sehingga kini, program ini telah dilaksanakan di Melaka, Selangor dan Johor yang melibatkan premis-premis yang seperti rumah anak yatim dan rumah kebajikan.

*****Tamat*****

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:

Harith Safruddin/Zairulliaty Mali

Unit Promosi dan Hubungan Luar

Tel: 03 8870 8598/03 8870 8661/018-3822545(Harith)/013 2183778 (Zairulliaty)

Emel: harith@st.gov.my/ zairulliaty@st.gov.my

MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, khususnya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Sabah. Suruhanjaya Tenaga memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.